



GARIS PANDUAN UNTUK PELAJAR PASCA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN

PENDAHULUAN

Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) mengambil maklum akan status wabak COVID-19 berdasarkan laporan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak (JPBNS) dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Berdasarkan situasi terkini COVID-19 di Malaysia, KKM menasihatkan bahawa pengawalan risiko jangkitan COVID-19 dijangka perlu diteruskan sehingga 6 bulan selepas PKP ditamatkan.

Justeru itu, *UNIMAS COVID-19 Task Force* akan mengambil langkah-langkah pengawalan risiko jangkitan untuk membendung penularan wabak COVID-19 di kampus universiti. Semua warga UNIMAS juga bertanggungjawab untuk mematuhi garis panduan yang disediakan bagi memastikan kesejahteraan serta kawalan secara optimum di UNIMAS.

1.1 PERGERAKAN MASUK KE KAMPUS DAN *HEALTH SCREENING*

- a. Semua pelajar UNIMAS perlu mendapatkan surat sokongan Kebenaran Pergerakan Balik Pelajar daripada Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) melalui Bahagian Pengajian Prasiswazah (BPPs) [untuk pelajar prasiswazah] dan Pusat Pengajian Siswazah [untuk pelajar pascasiswazah]. Pelajar yang berasal dari kawasan yang diklasifikasikan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) perlu juga mendapat kebenaran dan permit Polis DiRaja Malaysia (PDRM) untuk merentas Daerah/Negeri.
- b. **TIGA (3) HARI** sebelum kembali ke kampus, pelajar **DIWAJIBKAN**
 - i. Mengisi borang COVID-19 *Self Risk Assessment* yang terdapat dalam aplikasi *UNIMAS Now*
 - ii. Memuat turun aplikasi WeCare UNIMAS dan melapor keberadaan 2 kali sehari
- c. Pelajar yang bergejala COVID-19, berstatus *Person Under Investigation* (PUI) atau *Person Under Surveillance* (PUS) **TIDAK** dibenarkan untuk pulang ke kampus.
- d. Semua pelajar UNIMAS **WAJIB** memuat turun aplikasi MySejahtera, COVID Trace Sarawak dan Qmunity.
- e. Pelajar yang berada di Semenanjung, Sabah dan Labuan **WAJIB** mengisi borang deklarasi kesihatan (*E-Health Declaration*) di laman web <http://sdmc.sarawak.gov.my>. Ujian PCR COVID-19 akan diambil secara rambang di pintu masuk utama negeri Sarawak.
- f. Pelajar yang mempunyai sejarah perjalanan ke luar negara dalam tempoh sebulan yang lepas, **WAJIB** menjalani kuarantin selama 14 hari dan akan diambil sampel COVID-19 pada hari ke-10.

- g. Pergerakan pelajar masuk ke kampus semasa PKPP atau selepas penamatkan tempoh PKP untuk Semester 2 adalah secara berperingkat mengikut kategori pelajar berkeperluan. Sila rujuk Jadual Kemasukan Pelajar di Lampiran A.

1.2 PEMBELAJARAN BERSEMUKA / PENGGUNAAN MAKMAL

- a. Pelajar perlu mendaftar keberadaan di Fakulti melalui Aplikasi WeCare dan menjalani pemeriksaan suhu badan di kaunter khas di Fakulti masing-masing.
- b. Pelajar yang bergejala (batuk, selsema, sukar bernafas, hilang deria rasa dan deria bau) serta suhu badan melebihi 37.5°C tidak dibenarkan masuk ke Kampus/Fakulti/Institut dan perlu dirujuk ke Pusat Kesihatan UNIMAS. *Hand sanitizer* perlu disediakan di setiap lokasi pemeriksaan.
- c. Setibanya di bilik kuliah/makmal/studio/bengkel, pelajar perlu mendaftar keberadaan sekali lagi melalui Aplikasi WeCare.
 - i. Ini adalah untuk memastikan jumlah pelajar tidak lebih dari 50% daripada kapasiti sebenar ruang makmal.
 - ii. Pelajar yang tidak mendaftar kehadiran dan menjalani pemeriksaan suhu terlebih dahulu di kaunter utama Fakulti **TIDAK** akan dibenarkan masuk ke bilik kuliah/makmal/studio/bengkel.
- d. Penjarakan sosial sekurang-kurangnya 1.0 meter perlu dipatuhi dan meletakkan tanda "X" sebagai penanda jarak sosial di dalam bilik kuliah/makmal/studio/bengkel.
- e. Penggunaan *face mask* adalah **WAJIB** untuk semua pelajar semasa pembelajaran bersemuka atau semasa di makmal/studio/bengkel.
- f. Pembersihan dan disinfeksi secara berjadual di ruang pembelajaran dan makmal/studio/bengkel perlu dilaksanakan.

1.3 PEPERIKSAAN

- a. Suhu badan setiap pelajar perlu diperiksa sebelum masuk ke dewan peperiksaan.
- b. *Hand sanitizer* perlu disediakan di pintu masuk.
- c. Penjarakan sosial sekurang-kurangnya 1.0 meter perlu dipatuhi.
- d. Sekiranya pelajar didapati bergejala (demam, batuk, sakit tekak, sukar bernafas, selsema, hilang deria rasa dan deria bau), tetapi boleh meneruskan peperiksaan:-
 - i. Pelajar perlu diasingkan untuk menduduki peperiksaan di bilik lain.
 - ii. Pelajar dan staf yang ditugaskan untuk memantau perlu memakai *face mask*.
 - iii. Bilik yang digunakan hendaklah dibuka tingkap untuk pengudaraan yang baik. *Centralised air conditioning* tidak dibenarkan.
 - iv. Setelah tamat peperiksaan, pelajar perlu mendapatkan rawatan di Pusat Kesihatan UNIMAS.

1.4 TANGGUNGJAWAB PELAJAR

- a. Sentiasa menjaga kebersihan diri
 - i. Kerap mencuci tangan dengan sabun dan air (selama 20 saat) atau menggunakan *hand sanitizer*.
 - ii. Elakkan menyentuh muka.
 - iii. Mengamalkan etika batuk dan bersin yang baik, dengan menutup mulut dan hidung menggunakan kertas tisu. Kertas tisu berkenaan perlu dibuang dengan tatacara yang betul.
 - iv. Memakai *face mask* bila berurusan dengan orang lain.
 - v. Mengamalkan jarak sosial yang selamat, iaitu sekurang-kurangnya 1.0 meter.
- b. Menghadkan perkongsian makanan, dan elakkan berkumpul beramai-ramai.
- c. Merekodkan keberadaan di kafe/premis makanan dalam kampus melalui aplikasi WeCare.
- d. Melakukan disinfeksi pada permukaan kerja (meja, papan kekunci komputer) sebelum memulakan tugas.
- e. Memastikan kemudahan yang digunasama seperti bilik air, bilik mandi dan sinki sentiasa bersih.
- f. Sentiasa peka dengan maklumat terkini COVID-19 dari KKM. Sekiranya bergejala
 - i. Maklumkan pegawai yang bertanggungjawab.
 - ii. Pakai *face mask*.
 - iii. Dapatkan pemeriksaan/rawatan perubatan dengan segera.
 - iv. Elakkan kontak dengan pelajar dan staf lain.

1.5 TANGGUNGJAWAB FAKULTI/INSTITUT

- a. Memastikan staf akademik dan staf pengurusan diberi taklimat berkenaan langkah pencegahan penularan wabak COVID-19 oleh *UNIMAS COVID-19 Task Force* yang perlu dibuat sebelum, semasa dan selepas pelajar menggunakan fasiliti di kampus.
- b. Kerap melakukan disinfeksi secara berjadual permukaan yang mudah dicemari kuman seperti:
 - i. Ruang kerja.
 - ii. Kaunter perkhidmatan.
 - iii. Tombol pintu.
 - iv. Butang lif.
 - v. Kerusi.
 - vi. Meja.
- c. Menyediakan kemudahan membersih tangan – *hand sanitizer* di ruang pembelajaran dan *liquid soap* di tandas.
- d. Menyediakan bakul sampah yang mencukupi.
- e. Sekiranya terdapat staf/pelajar yang disahkan positif COVID-19, pejabat/ruang pembelajaran tidak perlu ditutup. Memadai dengan melakukan disinfeksi secara kerap.
- f. Menyediakan poster yang bersesuaian dan ditempatkan di lokasi strategik untuk mengingatkan staf dan pelajar untuk mengelak penyebaran COVID-19.

1.6 AMALAN DI KAMPUS

- a. Elakkan bersalam.
- b. Menangguhkan acara yang dihadiri >100 peserta.
- c. Jika ruang sesuai, buka tingkap untuk pencahayaan semula jadi dan pengudaraan yang segar.
- d. Aktiviti ko-kurikulum dibenarkan dengan syarat:
 - i. Kebersihan diri dan penjarakan sosial diamalkan.
 - ii. Pelajar yang bergejala tidak dibenarkan turut serta.
- e. Sukan bersentuhan tidak dibenarkan.

1.7 PROSEDUR MESYUARAT

Sekiranya mesyuarat bersemuka tidak dapat dilakukan, ahli mesyuarat yang hadir:

- a. Ahli mesyuarat tidak boleh melebihi 50% kapasiti ruang mesyuarat.
- b. Mesti memakai *face-mask* sepanjang masa.
- c. Menggunakan *hand-sanitizer*.
- d. Mengamalkan penjarakkan sosial sekurang-kurangnya 1.0 meter.
- e. Memastikan rekod daftar kehadiran ke mesyuarat diambil.
- f. Membuat pembersihan dan disinfeksi ruang bilik mesyuarat sebelum dan selepas bilik mesyuarat digunakan.

1.8 PREMIS KEDAI MAKANAN DI KAMPUS DAN PENYEDIAAN MAKANAN

Perkara-perkara berikut perlu dipatuhi oleh premis kedai makanan di kampus:-

- a. Premis kedai makanan perlu meletakkan penanda jarak sosial di lantai, meja dan tempat duduk bagi memastikan penjarakan dikekalkan di antara anggota.
- b. Meja hendaklah disusun dengan jarak 2.0 meter.
- c. Premis kedai makanan perlu menyediakan sabun atau *hand sanitizer* yang mencukupi.
- d. Staf premis kedai makan perlu menyaji makanan kepada pelajar dan **TIDAK** membenarkan pelajar mengambil makanan sendiri.

1.9 PERJALANAN KELUAR MASUK SARAWAK

- a. Sebelum
 - i. Pelajar perlu merujuk kepada nasihat terkini dari Kementerian Kesihatan Malaysia dan juga Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak berkaitan perjalanan masuk ke Negeri Sarawak.
 - ii. Memohon kebenaran perjalanan daripada Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) melalui Dekan/Pengarah Fakulti/Institut masing-masing.
 - iii. Pelajar perlu merujuk arahan terkini dari Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak.
- b. Semasa
 - i. Sentiasa membawa *face mask* dan *hand sanitizer*.
 - ii. Mengelakkan tempat yang sesak dan kontak rapat dengan individu yang bergejala.
 - iii. Mendapatkan pemeriksaan/rawatan perubatan dengan segera sekiranya merasa kurang sihat.

c. Selepas

- i. Mematuhi arahan kuarantin yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia atau Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak.
- ii. Mendapatkan pemeriksaan/rawatan perubatan dengan segera sekiranya mengalami gejala (seperti demam, batuk, sakit tekak, selsema, hilang deria rasa dan deria bau, sukar bernafas), dalam masa 14 hari setelah kembali dari lawatan.

Pelajar disarankan agar sentiasa peka dengan arahan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa dari masa ke semasa, dan hendaklah bekerjasama dengan arahan keselamatan berkenaan kesihatan dari pihak universiti.

Garis panduan ini berkuat kuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan. Pelaksanaan garis panduan ini adalah khusus untuk pengoperasian UNIMAS semasa dan pasca PKP dan ianya tertakluk kepada perubahan/arahan Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri Sarawak dari semasa ke semasa.

Disediakan oleh:

UNIMAS COVID-19 *Task Force*

Pejabat Pendaftar

Dikemaskini pada 12 Jun 2020

Lampiran A

**JADUAL KEMASUKAN PELAJAR
PASCA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN
SEMESTER 2 SESI 2019/2020**

Kategori Pelajar	Tarikh Dibenarkan Untuk Pulang Ke Kampus
Pelajar Pascasiswazah mod Penyelidikan	9 Jun 2020 – 30 Jun 2020
Pelajar Prasiswazah Semester/Tahun Akhir Yang Memerlukan Penggunaan Makmal/Studio	1 Julai 2020 – 31 Julai 2020
Pelajar Prasiswazah dan Pascasiswazah Yang Memerlukan Akses Internet	1 Julai 2020 – 31 Julai 2020
Pelajar Baharu Pra Universiti	1 Ogos 2020 – 31 Ogos 2020
Pelajar Baharu Prasiswazah	1 Oktober 2020 – 31 Oktober 2020